

Perkembangan Awal Gerakan Komunis Tanah Melayu 1924 - 30

MAHMUD E.

MUKADIMAH

Menjelang tahun 1922 telah wujud percubaan melebarkan faham komunis di Tanah Melayu. Berita-berita mengenai keadaan di Tanah Besar China, Harbin dan Rusia yang dikirirkan dari Canton telah disebar. Risalah-risalah mengenai kaedah mengajar doktrin komunis di China dan Rusia (tentang revolusi Rusia) di samping Manifesto Parti Komunis Amerika telah juga tersebar di Tanah Melayu. Persatuan-persatuan sulit juga turut memainkan peranan dalam menyebarkan risalah-risalah yang menjelaskan tentang perihal propaganda pembebasan kaum wanita, dakyah-dakyah komunis khususnya mengenai berita-berita tentang pemogokan dan kegiatan organisasi-organisasi buruh dan sebagainya.¹ Hal-hal ini telah dimuatkan dalam beberapa risalah dan buku komunis di antaranya ialah: *The Advance Guard*, *Canton Gazette*, *Military Weekly*, *Hwa Fong Daily News*, dan *Economics and the Problems of National Revolution in the Countries of the Near and Far East*.²

Perhatian yang serius telah ditunjukkan oleh pihak Komintern melalui Parti komunis China dalam usaha untuk melebarkan pengaruh komunis di Tanah Melayu. Seperkara yang amat menarik hati ialah sejak tahun 1922 sebuah biro yang dikenali sebagai South Seas Bureau telah ditubuhkan di China untuk memperluaskan faham komunis dikalangan orang-orang China di seberang laut. Melalui apa yang dipanggil No. 3 section, Komintern telah berjaya mengirinkan beberapa orang agen badan komunis tersebut ke Tanah Melayu bagi tujuan memperkembangkan pengaruh komunis di kalangan komuniti Cina khususnya.³

Justeru kerana itu, pada awal tahun-tahun 1920-an, orang-orang Cina Tanah Melayu sudah mula berjinak-jinak dengan ajaran komunis. Akan tetapi penglibatan orang-orang Cina dalam kegiatan bercorak komunis secara serius bermula kira-kira pada tahun 1924 iaitu apabila beberapa peristiwa penting berlaku di China yang sedikit sebanyak mempengaruhi perjalanan pertumbuhan dan perkembangan faham komunis sehingga tertubuhnya Parti Komunis Malaya pada tahun 1930.

POLITIK DI CHINA DAN PERTUMBUHAN FAHAM KOMUNIS DI TANAH MELAYU 1924-1928

Rencana ini seterusnya akan menghuraikan tentang proses pertumbuhan dan perkembangan faham komunis di Tanah Melayu dengan melihat senario

politik Tanah Besar China yang berlaku di antara tahun-tahun 1924-1928. Tanpa diragukan bahawa insiden-insiden politik yang menarik di China telah memudahkan kerja-kerja pihak Komintern dalam memperhebatkan penyebaran faham komunis di Tanah Melayu. Dua peristiwa utama yang dimaksudkan di atas ialah pertama, kewujudan barisan bersatu (di antara Parti Kuomintang dengan Parti Komunis China); kedua, berlakunya perpecahan gagasan barisan bersatu tersebut di mana impaknya begitu ketara sekali ke atas politik orang-orang Cina di Tanah Melayu.

Dalam hasratnya untuk mempengaruhi PKC, Komintern telah memperkenalkan suatu strategi perjuangan komunis yang berlandaskan *socialist democratic revolution*. Strategi ini telah diketengahkan oleh G. Safarov, yang berpendapat bahawa Rusia bersedia memberikan bantuan kepada badan-badan revolusioner borjuis serta menegaskan bahawa corak perjuangan komunis Rusia amatlah tersusun demi untuk berhadapan serta menentang pengaruh imperialis dan puak hulubalang di China. Mengenai Kuomintang (KMT), Safarov menyatakan:

We are convinced that this Party has done great revolutionary work which was absolutely necessary in China, and we hope to fight side by side with this Party in the future ... We say: In colonial and semi-colonial countries the first phase of the revolutionary movement was inevitably be a national democratic movement.⁴

Pada mulanya PKC agak sangsi dengan kata-kata dari Safarov ini tetapi komunis menganggap bahawa parti KMT, "still possesses only a relative amount of democratic and revolutionary spirit," dan menyatakan yang dasar-dasar yang dipraktikkan oleh KMT selama ini lebih bercorak, "vacillation, compromise and endless zigzags."⁵ Mungkin pendapat PKC ini sama dengan apa yang dikatakan oleh J. Guilleimarz:

The leader of the Kuomintang were not to be trusted... Its lack of doctrinal vigour, its heterogeneous composition and the frequent hesitations and compromises of its leader were all too obvious, and were damaging its revolutionery spirit."⁶

Walau bagaimanapun atas desakan Komintern, PKC terpaksa mengubah pendirian mereka dan bersetuju untuk bekerjasama dengan KMT. Di sinilah peranan Komintern penting, di mana ia merupakan daya penggerak di belakang kelahiran suatu kerjasama di antara PKC dengan KMT. Perlu dinyatakan di sini bahawa Komintern tidaklah secara terburu-buru menjalankan tugasnya, "to communize the kuomintang." Langkah penting yang diambil oleh Komintern terlebih dulu adalah dengan cara menghantar wakil-wakil mereka ke China. Antara mereka ialah G. Voitinsky, V. Dalin, H. Sneevliet dan A. Joffe.⁷ Di samping mempunyai motif mengkomuniskan dunia atas nama *nationalist democratic revolution*, Komintern sebenarnya mengatur

beberapa taktik tertentu di China. Mereka memperlihatkan sifat baik-baik dengan rakyat jelata serta mendapat bantuan kerjasama dan sambil itu melindungi identitas mereka. Komunis turut mengamalkan dasar memasuki secara sulit pertubuhan-pertubuhan yang berfahaman liberal dengan matlamat terakhir mereka adalah untuk melebar serta menanamkan sistem komunis dan kemudiannya merampas kuasa politik negara.

Sesungguhnya cadangan untuk mewujudkan sebuah gagasan kerjasama KMT-Komunis di China telah bermula pada tahun 1921. Seorang wakil Komintern bernama Maring telah datang menemui Sun Yet-sen dengan membawa bersama-sama cadangan, yang antara lain ialah, untuk menyusun semula jentera parti KMT.⁸ Misi pertama Maring tidak mendapat sambutan daripada Sun Yet-sen, dan ini diikuti pula dengan kegagalan kali kedua oleh Komintern. Walau bagaimanapun seorang wakil Komintern bernama Joffe telah dapat meyakinkan Sun dan membawa isu tentang kemasukan ahli daripada PKC menjadi ahli Parti KMT.⁹

Pada bulan Januari 1923 satu kenyataan bersama di antara Sun dengan Joffe telah dikeluarkan, yang antara lain menyatakan:

Dr. Sun Yet-sen holds that the Communist Order or even the Soviet system cannot actually be introduced into China, because there does not exist here the conditions for the successful establishment of either Communism or Socialism. This view is entirely shared by Mr. Joffe who is further of the opinion that China's paramount and most pressing problem is to achieve national unification and attain full national independence, and regarding this task he has assured Dr. Sun that China has the warmest sympathy of the Russian people and can count on the support of Russia.¹⁰

Akhirnya terjalinlah satu perjanjian bersama (Sun- Joffe) yang juga telah membuka satu lembaran baru dalam sejarah kerjasama antara Parti KMT dengan PKC di China.¹¹

Kesudian Sun untuk menerima masuk anggota komunis ke dalam Parti KMT sebenarnya berpunca dari rasa kluatir beliau melihat KMT yang sudahpun melewati zaman kegemilangannya dan juga nasib yang menimpa beliau ekoran daripada satu *coup d'etat* yang dilancarkan oleh Chen Chiung-ming pada tahun 1923.¹² Peristiwa itu telah melemahkan KMT, dan China seolah-olah kehilangan maruah. Kelemahan KMT telah diakui sendiri oleh Sun, dan di satu ketika pernah menyuarakan rasa bimbangnyanya akan nasib masa depan Parti KMT serta pengikut-pengikutnya:

The three political setbacks we have suffered at Canton were wielded by military men and to the powerlessness of Kuomintang members and therefore of the Party as a whole to carry out its policies. It may be said that our Party exception for few cadres, has no members. Though we have some strength, such strength as we do have is only temporary. In the long run, we are likely to have nothing to rely on.¹³

Sementara itu kedudukan Komunis dalam barisan bersatu dari sehari ke sehari bertambah kuat. Mereka telah berjaya menempatkan diri dalam badan-badan serta menduduki jawatan-jawatan pentadbiran kerajaan dan Parti. Misalnya pada tahun 1924 seramai 3 orang komunis didapati berada dalam jumlah seramai 24 orang ahli jawatankuasa Pusat Pelaksana KMT (*Kuomintang Central Executive Committee*). Mereka adalah terdiri daripada Li Ta-chao, Tan Peng-shan dan Yu Shu-te. Seramai 5 orang lagi telah berjaya menguatkan kedudukan mereka dalam penyusunan semula KMT, dan mereka itu terdiri dari Chu Chiu-pai, Cheng Kuo-tao, Lim Tso-lan, Han Lin-fu dan Yu Fang-Chou.¹⁴ Terbukti bahawa pihak komunis berjaya meletakkan ahli-ahlinya di tempat penting. Nampaknya ia berlaku dengan tanpa disekat, dan tambahan lagi mereka kerap mengatasi pihak KMT. Sebagaimana yang diperlihatkan oleh Kwei:

... almost all the important departments of the Party Headquarters has fallen into the hands of the Chinese Communist with dual membership in both parties. Communist were found all through the KMT members already on the staff were discriminated against and from which newer KMT members were barred. The situation was one of confusion and apprehension.¹⁵

Semenjak daripada itu aktiviti-aktiviti komunis dalam gagasan kerjasama KMT-Komunis berjalan dengan berbagai ragam, sehinggalah tiba saat kematian Sun Yet-sen pada bulan Mac, 1925. Bagi komunis pemergian Sun memberi peluang baik dalam usaha mereka untuk mempergiatkan lagi aktiviti di China. Suatu yang paling nyata timbul ekoran daripada gelagat komunis ialah berlakunya perpecahan di kalangan ahli-ahli KMT, satu puak condong ke kiri manakala sekumpulan yang lain pula terdiri dari golongan yang bersefahaman sederhana.¹⁶

Memang jelas peristiwa wujudnya gagasan bersatu KMT-Komunis itu memperlihatkan beberapa kesan ke atas politik orang-orang Cina di Tanah Melayu, terutama kepada pihak yang sudah mulai berjinak-jinak dengan politik yang berhaluan kiri.

Tindakan Sun Yet-sen berkompromi dengan komunis telah ditentang hebat oleh ramai pengikut-pengikut KMT di negara ini. Timbul perasaan gelisah dan rasa curiga atas tindak-tanduk Sun berbaik-baik dengan Komintern Rusia serta mempelawa komunis menganggotai badan barisan bersatu tersebut. Reaksi pertama datangnya dari cawangan Parti KMT di Ipoh pada bulan April, 1923 yang mengecam hebat keputusan Sun bermuafakat dengan komunis.¹⁷ Pada bulan Julai 1923 pula cawangan KMT di Selangor dan Perak bersama-sama mengirinkan utusan menyatakan rasa kesal mereka di atas sikap yang diambil oleh Sun, sambil menuduh beliau bersubahat dengan komunis.¹⁸

Cawangan KMT di Pulau Pinang juga tidak ketinggalan dalam menyuarakan bantahan mereka yang dihantar melalui taligram dan surat menyatakan perasaan kecewa mereka serta membantah keras atas segala tindak-tanduk Sun itu. Nampaknya segala bantahan dan rasa tidak puashati orang-orang Cina Tanah Melayu dewasa itu tidak dipandang ringan oleh Sun. Beliau sendiri telah dapat mempertahankan segala cemuhan yang dilemparkan ke atas diri beliau.¹⁹ Sehubungan dengan itu juga Sun telah mengarahkan pihak Jawatankuasa Pelaksana KMT supaya memecat ahli-ahli yang terlibat itu. Sun Yet-sen percaya bahawa dengan memihak dan menghormati jasa baik Rusia, ianya tidak akan menjejaskan matlamat sebenar beliau, dan juga parti KMT akan terus mara ke hadapan. Gagasan bersatu KMT-Komunis yang diwujudkan itu sebenarnya adalah untuk dikecapi bersama oleh kedua-dua belah pihak. Bagi menjernehkan lagi suasana, ucapan Sun Yet-sen, selaku *President of the All-China Kuomintang Conference* telah disiarkan dalam *Kuomintang Gazette*. Dalam ucapan itu beliau cuba menerangkan kedudukan yang sebenar, terutama mengenai hubungan KMT dan PKC dengan sejelas-jelasnya kepada pengikut KMT di Tanah Melayu:

... that the overseas members of the Kuomintang were apparently nervous of this connection. This is due ... to the unscrupulous propaganda of Imperialistic countries where overseas Chinese resided ... that it would be right for KMT to include in its principles Socialism, Communism and Collectivism.²⁰

Berbalik semula kepada kerjasama di antara Kuomintang dan Komunis di China, apa yang dapat diperhatikan ekoran daripada sikap anti-British dan condongan ke arah Sosialisme telah membawa kepada penyebaran ide-ide Bolshevik di China. Beberapa penyusunan Parti KMT di China, dan salah seorang agen Bolshevik China yang dipilih sebagai *Director of Propaganda for the KMT* ialah Chen Tu-hisu. Kehadiran beliau sesungguhnya telah meramaikan lagi penyertaan golongan komunis memasuki KMT.²¹ Dipercayai agen-agen Bolshevik inilah kemudiannya telah dihantar ke Tanah Melayu dan dengan bertopengkan sebagai keahlian parti KTM mereka telah menjalankan aktiviti-aktiviti anti-British serta menyebarkan fahaman Bolshevik dengan agak meluas.²² Mengenai perkembangan baru ini pihak Inggeris antara lain melaporkan:

There is considerable Bolshevik activity and propaganda in China. The ramifications have now extended into Malaya, and the State of Selangor seems to be one of the Headquarters. Bolshevik agents are all Chinese, quite a number of them trained by Russians. Their attacks are usually directed against Chinese School teachers. A number of these have been detected in the Malay States.²³

Anggota serta agen-agen Bolshevik sebenarnya mempunyai cara-cara tertentu bagi melebar dakwah serta propaganda mereka. Sepertimana yang

berlaku di China, agen-agen Bolshevik di Tanah Melayu nampaknya terus menerbus ke dalam badan-badan cawangan parti KMT yang ramai mempunyai pengikut-pengikut yang agak ekstrim. Mereka juga dapat memeralatkan kaum buruh dan ada pula yang berselindung di belakang gerakan pembelajaran masyarakat Cina di Tanah Melayu.²⁴

Kepesatan penyebaran propaganda Bolshevik dan juga komunis di Tanah Melayu sebenarnya dipikul oleh beberapa orang agen Bolshevik Cina yang antaranya ialah Tung Fang Cheng, Pao Hiu Sheng, Mak Pang Choo dan Han Kuo Hsiang. Tung Fang Cheng bertugas sebagai Guru di Singapura, sementara Pao Hin Sheng pernah menjadi wartawan di Singapura tetapi kemudiannya berpindah ke Kuala Lumpur dan bertugas sebagai Ketua Pengarang kepada sebuah akhbar Cina, *Yik Kwan Pao*.²⁵ Mak Pang Cho pula adalah ahli kepada *Printers' Alliance*, dan pernah menjalankan tugas bagi pihak *Central* dalam menyusun perjalanan badan KMT di Tanah Melayu terutama sekali dalam mendedahkan fahaman Bolshevik di kalangan orang-orang Cina. Han Kao Hsing pula pernah mendapat latihan rapi dari tokoh-tokoh Bolshevik di China dan Rusia. Beliau dipercayai sejak tahun 1922 lagi begitu cergas menjalankan aktiviti-aktiviti anti-British di negara ini. Han juga dikatakan bertanggungjawab mendirikan cawangan KMT di sebuah sekolah malam Cina, di samping menubuhkan kesatuan-kesatuan Pengguna dan Pekerja. Beliau dipercayai bergiat secara sulit dalam mendapatkan khidmat orang-orang dewasa Cina, melalui KMT untuk menganggotai sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai *Socialist Young Men's Society*.²⁶ Propaganda anti-British juga disebarkan kepada pekerja-pekerja di lombong-lombong bijih dan juga di kalangan buruh-buruh kasar terutama di sekitar Kuala Lumpur dan Rawang.²⁷

Bagi pihak berkuasa Inggeris di Tanah Melayu, mereka begitu khuatir dengan tindak-tanduk agen-agen Bolshevik, terutamanya bila diketahui yang cawangan-cawangan KMT telah dijadikan sasaran mereka menjalankan segala aktiviti. Ekoran daripada itu tidak hairanlah pada tahun 1925 Inggeris di Tanah Melayu telah mengharamkan KMT.

It is no exaggeration to say that the KMT everyday becomes a greater menace to the peace of the Far East. A society whose twin and cognate objects are Bolshevism and anti-foreign propaganda must indeed be a danger to the foreign institution which cross its path.²⁸

Walau bagaimanapun Inggeris masih lagi gagal menyekat perjalanan KMT di Tanah Melayu. Di bawah arahan *South East Head Branch* di Canton banyak lagi ranting-ranting KMT yang condong ke kiri wujud, dan sekaligus memudahkan lagi tersibarnya pengaruh Bolshevik. Sesungguhnya kewujudan *Canton Overseas Bureau of the KMT* pula telah memudahkan lagi pihak anggota-anggota Bolshevik di China untuk menghubungi rakan-rakan KMT mereka di Tanah Melayu. Biro KMT ini diketuai oleh Pang Cheak Man,

seorang pengikut KMT yang amat cergas bergiat sewaktu di Kuala Lumpur satu ketika dulu. Beliau telah menerima arahan bagi menjalankan operasi melalui saluran agensi Parti KMT dan menyusun semula cawangan-cawangan Parti tersebut. Pang juga dikatakan berusaha secara sulit mendaftar cawangan-cawangan KMT di Tanah Melayu.²⁹ Melalui usaha-usaha beliau itu adalah dijangkakan bahawa pihak Central akan berjaya menguasai perjalanan semua cawangan KMT di negara ini dan seterusnya memudahkan lagi pihak komunis dalam KMT mengarah agen-agen mereka menyebarkan dakwah serta propaganda menentang Inggeris.³⁰ Serentak dengan perkembangan itu juga beberapa buah risalah dan buku-buku komunis yang dicetak di luar negeri terus membanjiri Tanah Melayu. Misalnya, selain dari risalah-risalah yang telah disebutkan, terdapat banyak lagi jurnal-jurnal yang diterbitkan oleh pihak *International Press Correspondence*.³¹ Apa yang dapat diperhatikan aktiviti-aktiviti pihak sayap-kiri KMT yang diharamkan mulai meningkat dengan kematian Sun Yet-sen. Pada tahun berikutnya pihak Inggeris telah berjaya mengesan aktiviti sebuah kesatuan komunis yang mendapat perlindungan pula dari KMT yang diharamkan. Ianya dikenali sebagai *Singapore South Seas Public Bodies' Union*.³² Badan yang ditubuhkan ini adalah bertujuan mendedahkan dakwah komunis, propaganda menentang Inggeris serta menubuhkan 'sarang-sarang' komunis. Mengenai badan ini juga, pihak Inggeris melaporkan:

The objects ... were to stir up and spread anti-capitalist propaganda. It was conducted with the Kuo Min Tang which was in turn connected with the Soviet. It was quite clear that its object was to stir up class war between various classes in Singapore, especially workers among the lowest classes of the population. That was frankly a revolutionary society.³³

Jelaslah disini bahawa kerjasama yang wujud di antara Parti KMT dengan Komunis di China di samping usaha bersama Komintern telah membuka peluang kepada agen-agen Bolshevik dan anggota komunis melebarkan pengaruh mereka di negeri ini dengan bertopengkan sebagai anggota-anggota parti KMT.

Mengikuti sebuah buku yang diterbitkan oleh PKM bertajuk *Spring in the Southern Island*, ramai kader-kader Komunis dari Tanah Besar China telah pun berada di Tanah Melayu sejak tahun 1925 lagi. Mereka ini telah berjaya menubuhkan sebuah cawangan PKC Seberang laut. Jumlah keahliannya dewasa itu agak kecil³⁴ dan terdiri dari "... shopkeepers, people in the service of foreign and rubber tappers of the Chinese race."³⁵ Pada tahun 1926 badan komunis tersebut berjaya pula mewujudkan sebuah Jawatankuasa Biro Nanyang (*Committee of the South Seas Bureau*) berpusat di Singapura.³⁶ Mengikuti laporan dari dokumen Parti komunis mengenai badan komunis itu diberikan tanggungjawab:

... to carry out activities in Malaya, Thailand and the Pilippines in sowing the seeds of communism in these countries. At that time the task was to support the revolution in China and to advocate local revolutions.³⁷

Sementara itu sebuah Jawatankuasa Sulit Sementara (*Secret Provisional Committee*) yang berpusat di Singapore juga diwujudkan. Badan komunis tersebut mendapat perhatian rapi dari pihak Jawatankuasa Pusat PKC di Shanghai (*Central Committee of the CCP Shanghai*).³⁸ Pihak Komintern pula tidak ketinggalan dalam memberikan perhatian secara serius terhadap perkembangan yang wujud di Tanah Melayu dewasa itu. Nyatalah bahawa KMT di Tanah Melayu dari sehari ke sehari amat mencemaskan Inggeris. Komunis serta golongan ekstrim KMT terus bergiat cergas. Dengan adanya organisasi yang baru dinyatakan di atas tadi, maka gerakan anggota-anggota Bolshevik dan komunis bertambah-tambah meyakinkan dan KMT terus dijadikan *platform* penting ke arah kegiatan yang lebih mengancam pihak Inggeris di Tanah Melayu.

Satu lagi peristiwa penting yang berlaku di Tanah Besar China dan kemudiannya telah mempengaruhi perjalanan pertumbuhan pergerakan komunis di negara ini ialah berkaitan dengan berlakunya perpecahan gagasan kerjasama di antara KMT dengan Komunis. Sesungguhnya gelagat komunis semasa dalam barisan bersatu telah dikecam oleh KMT. Kerjasama yang diwujudkan atas lunas-lunas ketidakjujuran tipu muslihat itu telah menggugat kedudukan Parti KMT serta menjejaskan matlamat sebenar Sun Yet-Sen dalam menubuhkan sebuah negara China yang bebas dan dihormati. Komunis di bawah telunjuk Komintern telah menjalankan taktik-taktik halus yang tidak disedari oleh anggota-anggota KMT. Komunis telah memburuk-burukkan segala usaha rakyat China yang berjuang di bawah Tiga Prinsip anjuran Sun Yet-sen.³⁹ Komintern sejak awal-awal lagi barisan bersatu diwujudkan telah mengatur langkah-langkah serta merangka strategi tertentu. Dari mula mereka diterima masuk ke dalam badan Parti KMT sehinggalah sampai ke hari kematian Sun, Komunis walaupun khuatir untuk bertindak secara terbuka tetapi suara mereka dikatakan agak lantang dalam menaburkan bibit-bibit kegelishan dan kemudiannya menggugat perjalanan barisan bersatu. Tujuan sebenar Komintern dalam penubuhan gagasan bersatu telah dijelaskan oleh Chen Tu-hsiu, Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Parti Komunis China pada bulan April 1924 yang antara lain menjelaskan:

This is a strategy laid down by the Third International to be carried out by the Chinese Communist Party ... There are two purposes for Communist membership in the KMT: first, it is to make use of the Kuomintang name to foster the growth of Communist strength. If we approach others as Communists, we shall be unwelcome wherever we go, because people will hesitate to associate with us. But if we approach others as members of the Kuomintang, we shall be able to establish close relations with one and all. To work for the Communist cause in the name of the Kuomintang

is our first purpose. The second purpose is to convert the Kuomintang into a Communist party. For after we have been admitted to the Kuomintang, we shall be able to wield power, control party affairs, influence party views, and induce fellow members to follow us. In this way, we shall gradually turn the Kuomintang into a Communist party.⁴⁰

Semasa dalam barisan bersatu juga kelakuan komunis nampaknya amat bertentangan dengan peraturan pelaksanaan Parti KMT. Bibit-bibit awal keretakan kerjasama pada awal tahun 1926 di satu perjumpaan *Fourth General Meeting of the KMT Central Executive Committee*. Butir-butir mengenai kemungkinan menamatkan kerjasama antara kedua belah pihak itu dan dengan Soviet telah di bincangkan di hari perjumpaan tersebut. Dari kenyataan jawatankuasa tersebut dinyatakan:

During the past two years, however, the Communists in the Party have acted solely on the instruction of Communist organisation and for their own purpose so as to support Soviet Russia. Under no circumstances, however, can the National Revolution and Class Revolution progress together, so that it is better for the two parties to separate and cooperate, as opportunity occurs, during the progress of the Revolution, even with anti-imperialistic Soviet Russia if the necessity should arise.⁴¹

Akhirnya KMT sendiri dengan tegas telah mengambil keputusan pada bulan Julai, 1927 untuk bertindak menentang komunis. Anggota-anggota komunis dalam KMT telah disingkirkan dan tidak pula dibenarkan bergiat terus dalam parti KMT.⁴² Pada tahun itu juga ramai anggota-anggota komunis di Shanghai, Nanking, Foochow dan Canton telah diberkas dan kemudiannya dibunuh.⁴³ Sekali lagi pada tahun 1927 Jawatankuasa Eksekutif Pusat KMT telah mengambil keputusan melancarkan suatu gerakan yang dinamakan Gerakan Pembersihan (Ching tang yun tung) atau *Party Purification Movement* bagi melucutkan keanggotaan komunis daripada menjadi ahli KMT.⁴⁴ Keputusan juga diambil bagi menamatkan hubungan diplomatik dengan pihak Rusia serta memecat Bordin, Penasihat Soviet daripada barisan bersatu.⁴⁵ Menjelang akhir tahun 1927 gagasan kerjasama KMT-Komunis telah berakhir. Tentunya yang menjadi persoalan disini: sejauh manakah peristiwa perpecahan kerjasama KMT-Komunis di China membantu ke arah pertubuhan gerakan komunis di Tanah Melayu? adakah peristiwa penting itu memberi kebaikan serta menguntungkan pihak komunis di Tanah Melayu, ataupun sebaliknya? Peristiwa penyingkirkan anggota-anggota komunis dari badan KMT di China sebenarnya berlaku serentak di Tanah Melayu. Pada bulan Februari, 1926 pihak berkuasa tempatan telah berjaya memiliki beberapa salinan berupa arahan yang dikeluarkan oleh "the 4th. General Meeting of the Central Executive Committee of the KMT in China." Arahan ini ditujukan kepada cawangan-cawangan KMT di Tanah Melayu supaya menyingkir anggota-

anggota komunis.⁴⁶ Memang tidak dinafikan bahawa laporan tersebut telah dipatuhi, dan ranting-ranting KMT di Port Swettenham, Seremban, Kampar, Ipoh dan Batu Pahat telah menjalankan tindakan sama ada menyusun semula parti KMT ataupun terus menyingkirkan anggota-anggota yang mirip kepada perjuangan komunis. Walau bagaimanapun di sesetengah tempat komunis bersama-sama golongan ekstrimis KMT masih dapat terus mengekalkan kedudukan dalam KMT, dan juga masih mampu bergerak dengan menyamar sebagai ahli KMT.⁴⁷ Ini sesungguhnya dapat dibuktikan apabila cawangan-cawangan baru KMT di Tanah Melayu yang diusahakan oleh anggota-anggota yang mirip kepada perjuangan bercorak leftis, tidak termasuk di bawah kawalan *Nanyang Head Branch* di Canton.⁴⁸ sebagai contoh, di Melaka nama KMT telah digunakan bagi tujuan menyebarkan faham komunis seperti di Rawang sebuah cawangan pertubuhan Komunis bertopengkan KMT telah ditubuhkan dengan menggunakan nama KMT Kuala Lumpur.⁴⁹ Di Kuala Pilah pula, seorang yang bernama Dan Fung-peng begitu aktif menjalankan aktiviti-aktiviti komunis atas nama KMT.⁵⁰ Di Kuala Sawah ternyata bahawa pihak Inggeris telah berjaya menggagalkan satu mesyuarat yang telah dianjurkan oleh sebuah badan komunis yang sekali lagi menggunakan nama KMT iaitu *Negeri Sembilan Rantau Branch of the KMT*.⁵¹ seramai tujuh orang telah dapat diberkas dan di antara dokumen penting yang telah dirampas mendedahkan hakikat bahawa telah wujud sebuah badan komunis yang jelas berselindung di bawah sayap parti KMT. Badan yang dimaksudkan ialah *All Malaya Head Branch of the Kuomintang*.⁵² Sebuah lagi badan yang tidak kurang pentingnya bergerak dengan berselindung di belakang KMT di Tanah Melayu ialah *Malayan Revolutionary Committee of the KMT* yang dikatakan telah berjaya mendapat kerjasama dari sebuah pertubuhan komunis bernama *The Main School*.⁵³

Nampaknya peristiwa pepecahan gagasan KMT-Komunis di China telah membantu perkembangan faham komunis di Tanah Melayu. Walaupun gerakan komunis tidak berjaya untuk terus kekal dalam Parti KMT, tetapi menerusi tipu daya dan muslihat mereka telah merintis jalan untuk Komintern bertindak dengan cara yang lebih halus lagi.⁵⁴

Nampaknya keadaan yang wujud ketika itu jelas menunjukkan bahawa gelagat komunis di Tanah Melayu memperhebatkan kegiatannya agak serius, di mana komunis sudah dapat bertapak dan dapat 'menawan' hati orang-orang Cina terutamanya. Boleh dikatakan badan-badan komunis masih berkemampuan bertindak rapi menjalankan aktiviti-aktiviti subersif dengan tidak berselindung di bawah nama Parti KMT. Untuk berfungsi dengan lebih tersusun lagi anggota-anggota komunis di bawah telunjuk Komintern perlu melahirkan badan-badan pelaksana komunis di Tanah Melayu berjaya didirikan bagi memudahkan Komintern dan juga pihak komunis di China beraksi. Tetapi terlebih dahulu penulis merasakan amat perlu kita melihat dengan lebih serius lagi tentang sebutan orang-orang Cina di Tanah Melayu

terhadap perkembangan komunisme. Adakah keseluruhan masyarakat Cina terlibat? Benarkah kenyataan yang menyatakan bahawa pada peringkat awal pertubuhan komunis di Tanah Melayu orang-orang Cina daripada suku Hailam begitu mudah terpengaruh dengan ideologi komunisme?

Perbincangan berikutnya adalah mengenai suku kaum Hailam Cina yang dikaitkan bersama dengan kelahiran badan-badan pelaksana komunis.

SUKU HAILAM DAN BADAN-BADAN PELAKSANA KOMUNIS

Suatu hal yang amat menarik perhatian kita bila memperkatakan tentang perkembangan gerakan komunis di Tanah Melayu, khususnya yang melibatkan orang-orang Cina, bahawa penggerak utama dalam segala kegiatan yang berhaluan kiri adalah terdiri dari suku kaum Hailam. Mengapakah suku Hailam begitu mudah terpengaruh dengan dakwah dan pujuk rayu komunis? Apakah suku kaum Cina yang lain tidak berminat dengan politik yang berhaluan kiri anjuran komunis itu? Siapakah sebenarnya suku Hailam ini?

Komuniti Hailam merupakan orang-orang Cina yang kecil jumlahnya di Tanah Melayu berbanding dengan komuniti-komuniti Cina yang lain. Suku Hailam ini dikenali juga sebagai Hainanese atau digelar dengan nama-nama seperti Kiung-chow, Keng-chew, Kheng Chow, Khiung Chiu, Kheng Jai dan Kiung Za.⁵⁵ Mereka berasal dari Pulau Hainan dan sebahagian besar yang berhijrah ke Tanah Melayu datang dari daerah-daerah Boon Siang, Kheng Soon, Kheng Tong dan Loke Huay.⁵⁶ Kesusakan hidup di negeri asal mereka telah memaksa sebilangan besar daripada mereka itu mencari nafkah di Seberang Laut. Tanah Melayu merupakan tempat persinggahan yang amat sesuai, dengan adanya jumlah penduduk kaum Cina yang lain. Mengikut perangkaan tahun 1921 sebahagian besar suku Hailam ini terdiri daripada kaum lelaki. Dibandingkan dengan lain-lain kumpulan pekerja, suku Hailam mempunyai nisbah jantina yang tidak setara.⁵⁷

Mengenai jenis pekerjaan diceburi mereka pula, suku Hailam sebenarnya terlibat dalam kerja-kerja yang tarafnya kurang baik. Mereka dianggap paling rendah dari segi status kedudukan, dan peluang untuk mendapatkan jenis-jenis pekerjaan yang tinggi pendapatannya amat terbatas. Walau bagaimanapun orang-orang Cina dari Suku Hailam ini terpaksa juga menerima jenis kerja yang pada amnya dipandang hina oleh kumpulan orang-orang Cina yang lain. Misalnya kerja-kerja perkhidmatan layanan dalam perusahaan hotel dan restoran, sebagai budak-budak suruhan, orang gaji, tukang masak, pembawa air, pekerja kilang-kilang getah, penoreh di ladang-ladang kepunyaan orang-orang Eropah dan tidak juga ketinggalan kerja-kerja kemahiran.⁵⁸

Menyentuh soal kecenderungan dan penglibatan dalam politik tempatan oleh suku Hailam ini, kita sebenarnya berhadapan dengan masalah mengenai sifat rendah-diri yang agak serius. Ini sebenarnya boleh menjerumuskan

mereka ke dalam kegiatan-kegiatan yang kurang sihat, terutama dalam gerakan-gerakan kesatuan buruh yang berhaluan kiri. Memandangkan bahawa yang datang ke negara ini ramai terdiri daripada orang-orang bujang, maka sudah tentulah mereka ini mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif terutama isu politik yang berhaluan kiri yang disebarkan oleh pendakwah-pendakwah komunis.

Salah satu lagi sebab mengapa suku Hailam amat mudah terpengaruh dengan politik kiri di Tanah Melayu, mereka terlebih dahulu telah terdedah dengan kegiatan politik di tempat asal mereka iaitu di Pulau Hainan. Menjelang tahun-tahun 1920-an orang-orang Cina Hailam telah dipercayai mulai sedar tentang adanya suatu pergerakan ke arah kerja-kerja pemulihan bagi mendapatkan kemerdekaan untuk Pulau Hainan. Telah dilaporkan bahawa Sun Yet-sen telah bersedia untuk menggadaikan Pulau Hainan kepada pihak Jepun untuk mendapatkan wang dan membeli alat senjata.⁵⁹ Seorang yang dikenali sebagai Wong Fu Kwan telah mempelupori gerakan menentang cita-cita Sun ini di Hainan. Usaha-usaha beliau itu telah mendapat perhatian ramai. Ramai penyokong-penyokong gerakan tersebut telah datang ke Tanah Melayu bagi mendapatkan simpati serta pertolongan pihak-pihak tertentu. Sebuah badan yang dinamakan, Kesatuan Hailam Seberang Laut (Overseas Hailam Union) telah ditubuhkan pada tahun 1922 bagi tujuan mengutip derma. Namun begitu, pihak KMT akhirnya telah dapat menguasai Pulau Hainan dan pihak yang dahulunya menentang kini menyokong pula Sun.⁶⁰ Perubahan ini memberi peluang kepada golongan sayap-kiri KMT untuk bergiat lebih cergas dan ekoran daripada itu wujudlah gerakan-gerakan menentang Inggeris di Pulau Hainan. Aktiviti-aktiviti anti-British pula mendapat sokongan daripada pihak ekstrimis Hailam. Sebuah organisasi yang dipanggil Perikatan Revolusioner Kheng Ngai (Kheng Ngai Revolutionary Alliance) telah ditubuhkan.⁶¹

Tentunya pengalaman berpolitik yang dilalui oleh suku ekstrimis Hailam di tempat asal mereka tidak disia-siakan oleh mereka apabila sampai ke Tanah Melayu. Dengan wujudnya kerjasama di antara KMT dengan Komunis dan kemudiannya perpecahan yang menyusul kemudiannya, memberi kesempatan kepada ekstrimis Hailam untuk menceburi dalam kegiatan politik Cina tempatan. Mereka telah terlibat dalam aktiviti dakwah dan propaganda komunis. Cawangan-cawangan parti KMT yang wujud secara haram menjadi sarang kegiatan mereka.⁶² Dari arah inilah suku Hailam berpolitik dengan lebih rancak lagi, tambahan pula mereka sudah berjaya mendapatkan saluran-saluran yang amat sesuai bagi tujuan menyebarkan dan melebarkan kegiatan-kegiatan komunis. Perbincangan seterusnya adalah memperkatakan tentang cara pergerakan suku ekstrimis Hailam ini menerusi dua saluran utama mereka iaitu melalui sekolah-sekolah politik malam Cina dan badan-badan buruh serta *guilds*. Daripada sinilah, sebagaimana yang akan dibicarakan kemudian, lahir badan-badan pelaksana komunis yang telah diusahakan oleh

suku Hailam ini yang akhirnya pula membawa kepada lahirnya sebuah parti komunis di Tanah Melayu.

Biasanya sekolah-sekolah malam ini diadakan untuk orang-orang Cina yang bekerja di waktu siang hari. Ianya dibuka khas untuk orang-orang Cina peringkat dewasa, tetapi telah dijadikan oleh pihak ekstrimis Hailam sebagai saluran penting menyebarkan ide-ide komunis.⁶³ Di sinilah perjuangan komunis disampaikan melalui ucapan, syarahan dan penerbitan risalah. Sekolah-sekolah malam ini dikendalikan begitu rapi oleh pengacam-pengacam Hailam yang ramai daripadanya didatangkan Khas dari China, dan mereka sebenarnya adalah pakar dalam penyebaran dakyah komunis.⁶⁴

Adalah dipercayai sekolah malam komunis yang pertama telah ditubuhkan pada bulan Mac, 1923 di Kuala Lumpur.⁶⁵ Pada mulanya ia dikendalikan oleh pihak sayap-kiri KMT, dan salah seorang daripada kakitangan sekolah tersebut bernama Han Kuo Hsing.⁶⁶ Walaupun Kuala Lumpur merupakan tempat pertama lahirnya sekolah politik malam, tetapi menjelang tahun 1925 Singapura pula telah mula mengambil alih fungsi sebagai pusat mengeluarkan penuntut-penuntut yang condong kepada aktiviti-aktiviti komunis dan mempunyai pandangan sinis terhadap kekuasaan Inggeris di Tanah Melayu. Mengikut laporan pihak kolonial Inggeris:

... 1925 saw the birth of many of these schools in Singapore, and enthusiasm for the course and hatred of the British were fostered by a flood of propaganda from Canton and Shanghai giving distorted accounts of the 30 May incident of 23 June."⁶⁷

Dalam pada itu di sepanjang tahun 1926 sebanyak 16 buah sekolah politik malam telah dapat dikesan. Sebahagian besar daripada sekolah-sekolah malam ini pula lebih merupakan tempat perlindungan kepada beberapa ranting KMT yang diharamkan.⁶⁸ Dan secara tidak langsung pula sekolah-sekolah ini bertukar menjadi markas utama kepada organisasi-organisasi komunis yang wujud ketika itu, misalnya *Singapore South Seas Public Bodies' Union* dan Kesatuan Buruh Am Seberang Laut (*South Seas General Labour Union*).⁶⁹ Di Singapura sebuah sekolah malam, Chi Min yang terletak di Jalan Blair telah dijadikan tempat pertemuan dan markas oleh pengacam-pengacam Hailam dan organisasi-organisasi komunis.⁷⁰ Dalam satu serbuan yang dibuat oleh pihak Polis ke atas sekolah tersebut bahawa satu masyuarat ahli-ahli cawangan parti KMT sedang berlangsung yang disertai bersama oleh beberapa buah kesatuan buruh, badan-badan pelajar dan juga 7 orang wakil khas dari *Kuomintang Overseas Bureau*.⁷¹

Sebuah lagi sekolah malam yang dikendalikan sepenuhnya oleh anggota-anggota suku sekstrimis Hailam ialah Sekolah Malam Nam Kiau yang terletak di 142-10 Jalan Orchard.⁷² Ianya juga merupakan markas bagi menjalankan aktiviti-aktiviti propaganda anti-British, anti-Jepun dan dakyah

komunis. Apa yang lebih menarik lagi, anasir-anasir komunis Hailam ini telah berjaya memeralatkan badan KMT sebagai saluran mempercepatkan lagi kerja-kerja menyebarkan fahaman komunisme di kalangan masyarakat Cina di Tanah Melayu. Pada 26 haribulan Jun pula, pihak Inggeris berjaya mengesan sebuah lagi sekolah malam yang terletak di Pulau Berani, Singapura iaitu Sekolah Yok Bun. Seperti biasa sekolah ini terlibat dalam kerja-kerja menyebarkan dakwah komunis yang dibawa masuk dari China, terbitan PKC.⁷³ Walau bagaimanapun perjalanan sekolah politik Hailam, Jong Mong amat menarik sekali. Risalah-risalah yang dijumpai oleh pihak Inggeris menunjukkan bahawa sekolah tersebut bukan sahaja merupakan markas utama komunis tetapi merupakan tempat berlangsungnya perjumpaan wakil ketua-ketua cawangan Parti KMT seluruh Nanyang. Telah dilaporkan juga bahawa sekolah ini ada membuat hubungan secara sulit dengan *Kheng Ngai Comrades Revolutionary Alliance* bagi tujuan mengabungkan badan-badan buruh dengan organisasi-organisasi komunis.⁷⁴

Mengenai penglibatan suku Hailam dengan kesatuan-kesatuan buruh pula, dipercayai pada bulan Mei 1926 sebuah badan yang dikenali sebagai Kesatuan Buruh Am Nanyang telah bergiat cergas menyebarkan dakwah serta propaganda memburuk-burukkan Inggeris. Perjalanan badan komunis ini yang juga melibatkan kumpulan kecil Hailam agak mencemaskan Inggeris, tambahan pula hubungannya dengan sebuah badan buruh Hailam di Hainan, *Kheng Ngai Revolutionary Alliance* agak akrab.⁷⁵

Jadi kelahiran sekolah-sekolah malam Cina serta kesatuan-kesatuan Buruh di Tanah Melayu dan Singapura begitu memanfaatkan pihak ekstrimis Hailam. Setelah begitu yakin dengan prestasi mereka, kini ekstrimis komunis Hailam berpeluang memperlihatkan kesungguhan mereka mempergiatkan aktiviti-aktiviti anti-British dan juga penyebaran ideologi komunis. Dengan kejayaan menjadikan sekolah-sekolah malam dan kesatuan-kesatuan buruh sebagai saluran utama melancarkan propaganda komunis, kini pihak ekstrimis Hailam melangkah setapak lagi dengan mewujudkan pula badan-badan eksekutis komunis. Badan pelaksana komunis yang paling popular dewasa itu dikenali sebagai Sekolah Utama (*Main School*). Dipercayai badan pelaksana komunis ini ada melibatkan Kesatuan-kesatuan Sekerja dan mendapat perhatian serta kerjasama yang rapi dari pihak PKC.⁷⁶ Ramai dari kalangan belia dan penuntut-penuntut Cina yang tertarik dan menyertai perjuangan komunis yang dianjurkan oleh *Main School* tadi. Badan komunis ini juga ada membawa masuk penghasut-penghasut komunis yang terdiri daripada guru-guru yang kemudiannya ditempatkan di sekolah-sekolah politik Hailam.⁷⁷ Sebuah lagi badan pelaksana komunis yang lahir itu dikenali sebagai Sekolah Menengah (*Middle School*). Anggota-anggotanya adalah terdiri daripada pemuda-pemuda Cina, dan markasnya adalah di sekolah-sekolah politik Hailam, dan ianya juga diawasi perjalanannya oleh pihak *Central Chinese Communist Party*.⁷⁸

Di samping dua buah badan pelaksana komunis tadi, muncul juga apa yang dipanggil *Phing Phing Kung*. Dpercayai pengagasnya terdiri daripada Ham Tam, Bang Hong, Ju Chin Lit dan Hin Kuk.⁷⁹ Di Negeri Sembilan badan komunis ini telah berjaya dikesan pergerakannya oleh pihak Pelindung Orang-orang Cina pada 12 haribulan Mei, 1927 dan markasnya adalah di sebuah sekolah politik Malam Cina (Sekolah Malam Yuk Chi). Seorang yang dikenali sebagai Lei Chik Sin telah berjaya diberkas, dan beliau dikatakan menjadi Pengurus kepada Jawatankuasa Penyelaras badan komunis tersebut.⁸⁰ Turut sama terlibat adalah anggota-anggota sebuah badan buruh di Negeri Sembilan (Kesatuan Buruh-Buruh Getah Negeri Sembilan), dan markas utama terletak di Sekoiah Malam Kok Khiu.⁸¹ Nampaknya dari perbincangan di atas tadi jelaslah menjelang tahun 1927 pergerakan komunis di Tanah Melayu sudah memasuki peringkat yang boleh dianggap merbahaya kepada kedudukan Inggeris. Komunis di Tanah Melayu benar-benar mengikut telunjuk serta arahan Komintern sebagaimana yang dirangkakan olehnya dalam persidangan tahun 1924 di Moskow (*Moscow World Conference 1924*), terutama dalam hal-hal yang bersangkutan dengan kelahiran sel-sel komunis dalam badan-badan atau kesatuan politik tempatan. Sekolah-sekolah Malam dan Kesatuan-kesatuan Sekerja telah dijadikan sasaran dan markas utama pihak pengancam pengancam Hailam. Ramai belia-belie serta orang-orang Cina begitu terpengaruh oleh dakwah dan propaganda komunis. Satu demi satu badan pelaksana komunis berjaya dilahirkan, dan melaluinyalah wujud parti-parti komunis di Tanah Melayu.

PENUBUHAN PARTI KOMUNIS NANYANG DAN PARTI KOMUNIS MALAYA, 1928-1930

Adalah dipercayai diantara bulan November 1927 dengan bulan Januari 1927 satu rombongan seramai 5 orang dari Parti Komunis China telah datang ke Tanah Melayu.⁸² Kedatangan rombongan ini nampaknya berketetapan sekali dengan perkembangan yang wujud dewasa itu, dimana pergerakan komunis sudah berakar umbi terutama di kalangan orang-orang Cina di negara ini. Di atas tindak-tanduk kelima-lima orang pemimpin komunis itu dan melalui pertolongan pihak komunis tempatan, maka sebuah badan yang dikenali sebagai Parti Komunis Nanyang telah berjaya ditubuhkan pada bulan Januari 1928.⁸³ Dengan itu juga bermakna komunis di Tanah Melayu tidak lagi berselindungi di belakang parti KMT serta cawangan-cawangannya di Tanah Melayu dan Singapura. Komunis kini boleh bergerak secara sendiri di atas nama badan yang baru ditubuhkan itu. Seperti yang dilaporkan oleh pihak Kolonial Inggeris:

At the beginning of 1928 the extremist branches of the Kuomintang had lapsed as integral parts of the Party and had been replaced by definitely Communist formations

... The proletariat was urged to join South Seas General labour Union under the guidance of the (Nanyang) Communist party instead of the Kuomintang.⁸⁴

Kalau diperhatikan, kewujudan badan komunis tersebut seolah-olah memberi perangsang kepada beberapa organisasi komunis di Tanah Melayu untuk berfungsi dengan lebih cergas lagi. Di antara organisasi-organisasi yang perlu dibicarakan di sini ialah, Kesatuan Buruh Am Nanyang, Pemuda Komunis, Liga Menentang Imperialis dan Kesatuan Buruh Kelas Nanyang.

Dalam bulan Mac, 1928 Kesatuan Buruh Am Nanyang telah berjaya menubuhkan sebanyak 17 cawangannya di seluruh Tanah Melayu, iaitu 7 di Singapura, sebuah di Pulau Pinang, 2 di Johor, 6 di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan sebuah lagi di Riau.⁸⁵ Di Singapura ahli-ahlinya adalah terdiri daripada orang-orang Cina suku Hailam dan mewakili golongan pekerja sebagai kuli di ladang getah, ahli mekanik di bengkel-bengkel kejuruteraan, pembuat kasut dan pembantu kedai. Sebagaimana yang di laporkan mereka semua ditugaskan supaya menjalankan kegiatan ke arah menyatukan semua buruh-buruh di Nanyang dan, "... plan for the emancipation of the laboring classes."⁸⁶ Seorang yang bernama Cheung Hong Seng, ahli kepada sebuah jawatankuasa Kesatuan Buruh Am Nanyang dikatakan cergas menjalankan kegiatan-kegiatan komunis. Beliau juga adalah Setiausaha kepada Jawatankuasa Propaganda. Tetapi beliau akhirnya ditangkap pada tahun 1928 dan antara bahan-bahan yang turut dirampas termasuklah bahan-bahan letupan, risalah-risalah komunis dan juga maklumat penting mengenai strategi dan penyusunan semula badan komunis yang bergiat ketika itu.⁸⁷ Badan Buruh Komunis ini juga dikatakan ada membuat perhubungan dengan pihak PKC. Adalah dipercayai ramai ahli-ahli badan komunis tersebut melibatkan diri dengan menyertai kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh sebuah badan komunis, iaitu Kesatuan Buruh Kelas (*Seemen's Labour Union*).⁸⁸

Pergerakan Kesatuan Buruh Am Nanyang dilaporkan berjaya melebarkan pengaruhnya di Negeri-negeri Selangor, Perak dan Negeri Sembilan. Di Selangor Kesatuan Buruh Komunis ini menjalankan aktivitinya melalui dua buah organisasi komunis, iaitu Kesatuan Buruh Chi Yuk yang berpusat di Rasa dan mempunyai ahli seramai 476 orang, dan sebuah lagi *Malayan Peninsula Revolutionary Delegate Association*.⁸⁹ Dua orang tokoh yang terlibat mengendalikan perjalanan kedua-dua badan komunis tadi ialah Ho Wei seorang ahli kepada komunis, Main School dan seorang lagi Ting Tai Lun, Pengerusi kepada *Kuala Lumpur Peng Nan Night School*. Kedua-duanya dari suku Hailam.

Di Perak pula pergerakan Kesatuan Buruh Komunis Nanyang ini tidaklah begitu cergas, jika dibandingkan dengan keadaan di Selangor dan Singapura. Sebenarnya persatuan-persatuan Buruh di Perak semuanya mendapat kerjasama dan perhatian pihak Buruh Komunis di Selangor. Di Negeri Sembilan aktiviti komunis agak menarik juga. Badan-badan buruh yang telah pun

dipengaruhi oleh komunis muncul begitu hebat sekali dengan adanya Kesatuan Buruh Am Nanyang ini. Pada tahun 1928 di Negeri Sembilan langkah-langkah telah diambil bagi menghidupkan kesemua 4 buah badan buruh komunis yang dikatakan begitu aktif pada satu ketika. Badan-badan tersebut terdiri dari (a) Kesatuan Buruh Aik Min di Port Dickson, (b) Jawatankuasa Peringkat Rendah Kampung Salak, yang bergabung dengan *Seremban Worker's Delegates Committee*, (c) Kesatuan Buruh Kok Khwan Seremban, dan (d) Kesatuan Buruh Aik Khwan di Kuala Pilah. Keempat-empat badan buruh ini telah diletakkan di bawah pengawasan Kesatuan Buruh Am Negeri Sembilan (*Negeri Sembilan General Labour Union*). Tidak kurang pentingnya badan-badan komunis ini juga telah mendapat perhatian serius dari badan pelaksana komunis, Main School. Bukti-bukti menunjukkan bahawa Kesatuan Buruh Negeri Sembilan telah berjaya menjalankan Kegiatan subersif komunis mereka dengan mengambil tenaga-tenaga baru dengan dibantu oleh pihak *Singapore Reorganisation Committee*.⁹⁰

Sebuah lagi organisasi komunis yang begitu aktif menjalankan kegiatannya sempena dengan kewujudan Kesatuan Buruh Am Nanyang ialah Pemuda Komunis. Pemuda Komunis dipercayai telah bergerak sejak tahun 1927 lagi, di bawah seorang yang bernama Phua Tin Kiap. Markas utamanya adalah di sebuah sekolah malam di Singapura (*Nam Peng Night School*).⁹¹ Kehadiran beberapa orang tenaga pengajar dari China yang mengajar di sekolah-sekolah politik malam di Singapura memperlihatkan betapa cergas dan aktifnya penglibatan pemuda-pemuda Cina dalam kegiatan komunis. Kemunculan pengacama-pengacama Hailam dalam badan-badan pelaksana komunis (*Main and Middle School*) telah mendedahkan belia-belie Cina dengan ajaran komunis. Berlakunya peristiwa berdarah Kreta Ayer di Singapura pada bulan Mac, 1927 memperlihatkan sekali lagi pengaruh pemuda-pemuda Cina dalam kegiatan yang dianjurkan oleh pihak komunis.⁹² Dengan kelahiran Pemuda Komunis, beberapa langkah diambil dengan mendirikan markas-markas komunis dengan kerjasama dari kader-kader di sekolah-sekolah Cina. Banyak risalah dan buku-buku komunis disebarkan dan juga diadakan pementasan drama, syarahan, mengadakan kumpulan-kumpulan perbincangan, semuanya melibatkan belia-belie Cina dan melalui saluran seumpama inilah pihak komunis berjaya menyusup masuk ke dalam jawatankuasa-jawatankuasa peringkat daerah, sekolah-sekolah malam, cawangan persatuan wanita dan juga kumpulan pekerja-pekerja perantis, yang anggota-anggotanya ramai terdiri daripada pemuda-pemuda Cina. Kegiatan yang dijalankan oleh badan Pemuda Komunis sebagaimana yang dinyatakan oleh polis amatlah merbahaya:

The history of individuals arrested for subversive acts showed that those who had been Communist Youth members were the most capable, enthusiastic and unrelenting. their training had given them method and the faculty for organisation....The Singa-

pore Communist Youth branch were called upon to pay a monthly subscription of \$10, Malacca \$10, Seremban, Muar, Batu Pahat, Siam, Annam and Batavia \$5.⁹⁵

Sementara itu dalam satu serbuan yang dibuat ke atas sekteriat badan komunis tersebut pada bulan September 1928, pihak berkuasa telah berjaya mendedahkan kedudukan serta perjalanan badan ini. Pusatnya adalah di Singapura dan adalah dipercayai mengandungi sebanyak 4 jawatankuasa daerah. Terdapat juga beberapa buah jawatankuasa di negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Melaka dan Baru, Pengkalan Tentera Laut di Singapura dan Hindia Timur Belanda.⁹⁴

Tempoh pergerakan komunis terus hebat dengan kehadiran sebuah lagi organisasi komunis iaitu Liga Anti-Imperialis Nanyang (*Nanyang Anti-Imperialist League*). Laporan pihak kolonial British ada menjelaskan bahawa tujuan Liga ini ditubuhkan adalah, "to unite oppressed nationalities and the labouring masses of the Southseas so as to overthrow the imperialistic rule, to emancipate the labourers, to carry on anti-Imperialist relationship with the *International Anti-Imperialist Organisation*."⁹⁵ Di samping itu, sebuah badan dikenali sebagai *Nanyang Seamen's Labour Union* turut tidak melepaskan peluang untuk sama-sama memainkan peranan dalam membantu Parti Komunis Nanyang untuk melebarkan kegiatan komunis. Badan buruh ini telah berjaya dikesan oleh pihak berkuasa Inggeris setelah melakukan satu serbuan ekoran daripada satu insiden mogok oleh tukang-tukang kasut di Singapura pada awal tahun 1928.⁹⁶ Adalah dipercayai mogok tersebut berpunca dari masalah gaji dan kedudukan ekonomi yang kurang menyenangkan oleh pekerja-pekerja suku Hakka, Hailam dan Kanton. Polis telah membuat beberapa tangkapan di Singapura dan ada bukti yang menunjukkan badan parti Komunis Nanyang dengan dibantu oleh Persatuan Buruh Am Nanyang bertanggungjawab mencetuskan kekacauan tersebut.⁹⁷ Polis juga berjaya melumpuhkan kegiatan-kegiatan komunis dengan memberkas ahli-ahli jawatankuasa yang menganggotai badan Jawatankuasa Sementara Parti Komunis Nanyang.⁹⁸

Pada keseluruhannya kelahiran Parti Komunis Nanyang serta penglibatan beberapa buah organisasi komunis yang lainnya terus membuka peluang kepada Komintern untuk memperkukuhkan lagi kedudukan pergerakan komunis di Tanah Melayu. Namun, dapat dikatakan di sini perkembangan masih belum dapat diselaraskan, dan tidak kedapatan suatu bentuk keseragaman. Pihak bertanggungjawab komunis juga berada dalam keadaan dilema sama ada mahu mengekalkan jentera badan komunis yang wujud ketika itu melalui beberapa penyusunan tertentu, ataupun memansuhkan terus dan digantikan pula dengan sebuah badan komunis yang agak lebih mantap dan efisien.

Sebenarnya komintern begitu berusaha untuk mewujudkan "a regular communist organisation," bagi memantapkan lagi kedudukan komunis supaya

ianya lebih tersusun dan seragam. Nampaknya seakan-akan berlaku persetujuan besar di antara Komintern dengan pihak PKC mengenai polisi masing-masing. Memanglah menjadi hasrat Komintern sejak awal pertubuhan komunis di Tanah Melayu agar segenap lapisan masyarakat negara ini menyertai gerakan komunis. Nampaknya kelahiran Parti Komunis Nanyang serta penglibatan organisasi-organisasi komunis yang lain hanya berjaya menarik minat sebilangan kecil orang-orang Cina sahaja, dan komunis masih gagal memecahkan tembok monopoli kaum Cina ini. Penyertaan daripada orang-orang Melayu pula boleh dikatakan agak menghampakan.⁹⁹

Komintern amat memandang serius akan kegagalan PKC yang telah diberikan tanggungjawab supaya menjalankan tugas penting khususnya di Tanah Melayu. Kader-kader komunis yang ada ketika itu dituduh oleh Komintern, "... of being out of touch with the real mass elements and neglecting to insulate a broad workers' and peasants' movement."¹⁰⁰ Komintern begitu mengaharapkan yang pergerakan komunis, "as a whole was to be one of workers' as peasant ... much closer cooperation and connection with the Third International was urged and in particular it was stressed that the movement must embrace all races and not be confined merely to the Chinese."¹⁰¹

Setelah menyedari akan ketidakmampuan Parti Komunis Nanyang untuk menjalankan tanggungjawab seperti yang diharapkan, maka Komintern sendiri telah mengambil inisiatif mengatur perancangannya melalui suatu corak pergerakan yang lebih menyakinkan dan mantap. Kini dirasakan amat mustahak diwujudkan sebuah parti baru bagi menggantikan Parti komunis Nanyang. Pada lewat tahun 1929 Komintern telah membuat satu rombakan dan mengeluarkan arahan supaya *Third Representatives' Conference of the Nanyang Communist Party* dilangsungkan di Singapura pada awal tahun 1930. Sementara itu pihak *Singapore Provisional Committee* menyeru agak laporan lengkap dari pihak-pihak di Tanah Melayu, Annam, Rhio, NEI, wakil-wakil Buruh, Pemuda dan Organisasi-organisasi Komunis yang lain disediakan untuk dibentangkan dalam persidangan itu kelak.¹⁰²

Notices from Singapore were circulated to all branches to prepare their reports and to be sent to their delegates on a date to be notified later. From November 1929 to 18th April 1930, the date of the Conference, local branches renewed their efforts and were able to submit at the meeting quite convincing proofs to their success.¹⁰³

Akhirnya suatu persidangan *Third Representatives' Conference* telah diadakan selama 4 hari, dan wakil-wakil yang menghadiri perjumpaan itu termasuklah semua ahli jawatankuasa tempatan.¹⁰⁴ Lebih menarik lagi seorang wakil dari badan Biro Timor Jauh Komintern turut hadir bersama-sama dengan wakil-wakil dari Burma, Palembang dan Siam.¹⁰⁵ Sebuah badan

komunis yang menggantikan parti komunis Nanyang telah berjaya ditubuhkan dan dikenali sebagai Parti Komunis Malaya (PKM) yang diletakkan terus di bawah, "Comintern Far Eastern Bureau and no longer to be controlled by the Chinese Communist Party."¹⁰⁶ Siam dan Hindia Timur kini diletakkan dibawah pengawasan PKM, tetapi, "Indo-China was to form its own party, directly under the Far Eastern Bureau."¹⁰⁷

Serentak dengan itu juga *Nanyang General Labour Union* turut mengikut arahan Komintern dengan mengadakan *Representatives' Meeting* dan menubuhkan sebuah badan baru, iaitu *Malayan General Labour Union*.¹⁰⁸ Satu lagi perkembangan menarik ekoran daripada perubahan yang berlaku ketika itu, di mana telah berlangsung satu perjumpaan di Melaka pada bulan November 1930 dan menyaksikan kelahiran *Malayan Communist Youth*. Perjumpaan ini dikenali sebagai *The Second Representatives' Meeting* turut juga menyasikan kehadiran wakil-wakil dari seluruh Tanah Melayu, Jawa, Indo-China, Burma dan Siam.¹⁰⁹ Telah dilaporkan bahawa sebelum persidangan itu berlangsung, bermacam-macam isu timbul yang antaranya termasuklah sama ada perlu diwujudkan badan-badan komunis Pemuda yang berasingan dan adakan pihak PKC perlu mengawasi segala gerak-geri badan Pemuda Komunis. Akhirnya keputusan telah diambil supaya Siam dan Indo-China menubuhkan badan komunis sendiri, tetapi Hindia Timur dan Burma harus diletakkan di bawah kawalan pihak komunis di Tanah Melayu.¹¹⁰ Adalah diharapkan keputusan yang diambil oleh Komintern itu akan melahirkan suasana dalamana, "all these district branches would in this manner achieve a common object more easily by taking advantage of local conditions, thus avoiding one of the greatest faults of the Communist Party which hitherto had made the communist movement in the South Seas a purely Chinese movement."

KESIMPULAN

Nyatalah ideologi komunis datang ke negara ini dari China setelah ianya mula diperkenalkan ke negara tersebut oleh Rusia. Dua organisasi komunis di Tanah Melayu ialah Komintern, yang lahir pada tahun 1919 dan PKC yang wujud pada tahun 1921.

Kewujudan *United Front*, yang kemudiannya sampai ke negara ini telah membolehkan komunis mempertingkatkan pengaruh mereka di Tanah Melayu. Sebelum berlakunya perpecahan di antara KMT dengan komunis, pengacum-pengacum komunis telah menjalankan kegiatan mereka dengan bertopengkan parti KMT. Tetapi bila berlaku perpecahan gagasan kerjasama KMT - Komunis di China, dan diikuti pula perpecahan di Tanah Melayu komunis terpaksa mencari 'dahan' baru untuk bergantung. Ekoran daripada kempen pembersihan yang dilancarkan oleh KMT di China kedudukan komunis di Tanah Melayu turut terjejas, dan mereka terpaksa bertindak secara bersendirian.

Beberapa buah badan pelaksana komunis akhirnya dapat diwujudkan dan ini memberi kesempatan yang baik kepada komunis. Dengan menggunakan saluran-saluran seperti sekolah-sekolah malam Cina dan badan-badan buruh komunis di Tanah Melayu, aktiviti-aktiviti komunis terus berkembang hebat dan penglibatan di kalangan orang-orang Cina di negara ini juga meningkat. Suatu perkara yang agak menarik tentang penglibatan orang-orang Cina di Tanah Melayu dewasa itu dalam pergerakan komunis, keadaan memperlihatkan bahawa sebahagian besar orang-orang Cina itu adalah terdiri daripada suku Hailam. Mulai daripada tahun 1928 Komintern sudah mulai melangkah setapak lagi bagi memperlihatkan kejayaan-kejayaannya di Tanah Melayu. Komintern melalui PKC telah menubuhkan Parti Komunis Nanyang pada tahun 1928. Walau bagaimanapun badan komunis itu gagal memperlihatkan kecemerlangannya dan terpaksa memberi laluan kepada sebuah lagi badan komunis, iaitu PKM yang lahir di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada tahun 1930. Memang tidak syak lagi tahun-tahun 1919 dengan 1930 begitu penting dalam sejarah awal pertumbuhan serta perkembangan komunis di negara ini. Walaupun terdapat tindakan-tindakan tegas yang diambil oleh pihak berkuasa Inggeris, namun kejayaan awal yang dicapai oleh komunis itu membuktikan bahawa mereka berkemampuan untuk terus berjuang dan seterusnya mengheret lebih ramai lagi rakyat negara ini menyertai gerakan komunis serta memastikan bahawa, bukan saja orang-orang Cina diperdayakan tetapi termasuk juga orang-orang Melayu.

¹*Police Intelligence Journal*, 15 March 1924, No 3, para 34. Lihat juga C.O. 273/516, Baddeley kepada Churchill, 22 July 1922, *Malayan Bulletin Political Intelligence* (MBPI) No. 2, April 1922, item 21.

²Lihat, C.O. 717/41, "Anarchism Among Chinese in Malaya."

³Lihat, Polis Diraja Malaysia, "Notes on History of the Communist Party of Malaya," Cawangan Khas, 1975.

⁴J. Guilleimarz, *A History of Chinese Communist Party 1921-1949*, New York: Methuen and Co., 1972, h. 70. Safarov merupakan seorang pakar Soviet mengenai masalah dan persoalan yang dihadapi oleh dunia Timur di tahun-tahun 1920-an dan awal 1930-an.

⁵*Ibid.*, h. 72.

⁶*Ibid.*, h. 73.

⁷Kwei Chung-gi, *The Kuomintang-Communist Struggle in China* The Hague: Martinus Nijhoff, 1970, hh. 17-18.

⁸*Ibid.*, h. 7.

⁹*Ibid.*

¹⁰*Ibid.*, h. 8.

¹¹Untuk butiran lanjut, sila lihat C. Brant, *A Documentary History of Chinese Communism*, London: Allen and Unwin, 1952, h. 6365. Juga Van Slyke, *Enemies and Friends: The United Front in Chinese Communist History*, California: The Stanford University Press, 1967.

¹²Lihat I.C.Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, New York: Oxford University Press, 1970), hh. 608-610. Juga E.O. Clubb, *Twentieth Century China*, New York: Columbia University Press, 1965, hh. 100-107.

¹³Kwei, *The Kuomintang-Communist Struggle*, h. 9.

¹⁴*Ibid.*, hh. 22-24.

¹⁵*Ibid.*, h. 27.

¹⁶*Ibid.* Lihat juga R.C. North, *Moscow and the Chinese Communists*, California: Stanford University Press, 1965, h. 91.

¹⁷C.O. 273/597, Officer Adminstrating the Government kepada Sir Phillip Conliffe-Lister, 12 September 1934, Enclosure, *Monthly Review of Chinese Affairs*, (MRCA), No. 48, August 1934.

¹⁸*Ibid.* Lihat juga Sim Cher-lan, "The Kuomintang-Communist United Front in Malaya, 1924-1927", Unpublished B.A. Thesis, University of Singapore, 1974, h. 87.

¹⁹*Ibid.*

²⁰*Police Intelligence Journal*, 15 April 1924, No. 4, para 34.

²¹*Police Intelligence Journal*, 15 September 1924, No. 9, para 165.

²²*Ibid.*

²³*Police Intelligence Journal*, 15 June 1924 No. 6, para 112.

²⁴*Police Intelligence Journal*, 15 September 1924, No. 9, para 165.

²⁵*Police Intelligence Journal*, 15 February 1924, No. 2, para 19.

²⁶*Police Intelligence Journal*, 15 November 1924, No. 11, para 204.

²⁷*Ibid.*

²⁸*Police Intelligence Journal*, 15 September, 1924, No. 9, para 165.

²⁹*Police Intelligence Journal*, 15 June 1924, No. 6, para 112.

³⁰Lihat Mahmud E., "Pertumbuhan dan Perkembangan Gerakan Komunis di Tanah Melayu," Tesis Sarjana Sastera yang belum diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1985, h. 54.

³¹*Police Intelligence Journal*, 15 March 1924, No. 3, para 34. Lihat juga C.O. 273/537 Enclosure No.1, "Joint Memorandum", by A.M. Goodman and P. Allen on the Kuomintang in Malaya, 1926, date 7 February 1927.

³²*Ibid.*

³³*Ibid.*

³⁴Polis Diraja Malaysia, "The Malayan Communist Party's Own Version of its History Up to 1940." (Nan tao-chih chung), Cawangan Khas, 1975.

³⁵*Ibid.*

³⁶*Ibid.* Lihat juga, "Some Interesting Features of the Malayan Communist Party." Petikan bersiri, Radio Suara Revolusi (Mandarin Voices). Susunan Cawangan Khas, 1975.

³⁷*Ibid.*, h. 2.

³⁸OF/A/1/81/(Y), *Basic Paper on the Malayan Communist Party*, h. 3.

³⁹Lihat Kwei, *Kuomintang-Communist Struggle*, hh. 18-19. Lihat juga, Li Yun-Han, "Admission of the Communists into the Kuomintang and the Purge", *Synopses of Monographical Studies on Chinese History and Social Science*, Vol. 11, hh. 1-22.

⁴⁰Kwei, *Kuomintang-Communist Struggle*, h. 19

⁴¹C.O. 273/534, *MBPI*, No. 36, February 1926, item 216.

⁴²C.O. 129/505, *Canton Gazette*, 23.5.1927.

⁴³*Ibid.*

⁴⁴C.O. 129/505, "Manifesto by Marshal Tseung Kai-shek to the National Armise on the Sins of Communism." Juga, C.O. 129/500, *Canton Gazette*, 21.5.1927.

⁴⁵*Ibid.*

⁴⁶C.O. 273/534, *MBPI* February 1926, No. 36, item 216.

⁴⁷Mahmud, "General Komunis di Tanah Melayu", h. 59.

⁴⁸C.O. 273/535, *MBPI*, July 1927, No. 51, item 357.

⁴⁹C.O. 273/535. Report by A.M. Goodman, "The Kuo Min Tang in Malaya, 1926-27, 10 August."

⁵⁰*Ibid.*

⁵¹C.O. 273/542, Report by P.T. Allen, "Interim Report of the Activities of Kwok Man Tang in the FMS During 1928." Lihat juga, C.O. 273/543. "Kuomintang in Malaya, July-December 1927," by R.Ingham, dated 17 March, 1928.

- ⁵²Lihat "Notes on the History of the Communist Party of Malaya," 1 Mac, 1956.
- ⁵³Lihat Mahmud, "Gerakan Komunis di Tanah Melayu", h. 61.
- ⁵⁴C.O. 273/542, "The Kuomintang and Other Societies in Malaya, January - March 1928."
- ⁵⁵Lihat Lim Meng Ah, "Hainanese in Singapore", Unpublished B.A. Thesis, Department of Social Studies, University of Malaya, Singapore, 1958, hh. 4-6.
- ⁵⁶*Ibid.*, h. 8-9; lihat juga, C.O. 273/517, *MBPI*, September 1922, No. 7.
- ⁵⁷J.E. Nathan, *British Malaya 1921 Census*, London: Crown Agents, 1922, h. 84.
- ⁵⁸C.O. 273/537, "The Kuomintang in Malaya (1926-27)," 18 August 1927.
- ⁵⁹*Ibid.*, *Supplement to Police Intelligence Journal*, 15 February 1931, "The Communist Movement in Malaya and Neighboring Countries, 31 December 1930."
- ⁶⁰C.O. 273/537, "The Kuomintang in Malaya."
- ⁶¹C.O. 273/517, *MBPI*, September 1922, No. 7; Lihat juga C.O. 273/534, *MBPI* February dan March 1926, No. 36 dan 39.
- ⁶²Lihat C.F. Yong and R.B. Mckenna, *The Kuomintang Movement in British Malaya. 1912-1949*, Singapore: Singapore University Press, 1990, hh. 86-89.
- ⁶³Lihat *Supplement to Police Journal*, 15 January 1931, No. 1, Enclosure, "The Communist Youth."
- ⁶⁴*Ibid.*
- ⁶⁵*Supplement to Police Journal*, 15 January 1931, "The Communist Youth," h. 2.
- ⁶⁶C.O. 273/597, *MRCA*, August 1934.
- ⁶⁷*Ibid.*
- ⁶⁸Butiran lanjut tentang kedudukan KMT, sila lihat C.F. Yong and R.B. Mckenna, *The Kuomintang Movement*, hh. 83-103.
- ⁶⁹OF/A/1/81(Y), *Basic on the Malayan Communist Party*, h. 4.
- ⁷⁰*Supplement to Police Intelligence Journal*, "The Communist Movement in Malaya and Neighbouring Countries," h. 3.
- ⁷¹*Ibid.*
- ⁷²*Ibid.* Lihat juga C.O. 273/534, *MBPI*, May 1926, No. 39.
- ⁷³C.O. 273/535, *MBPI*, January 1927, No. 47.
- ⁷⁴*Ibid.*
- ⁷⁵*Basic Paper on the Malayan Communist Party*, h. 4.
- ⁷⁶*Ibid.* Lihat juga *Supplement to Police Intelligence Journal*, "The Communist Movement in Malaya and Neighbouring Journal, "The Kuomintang in Malaya, 1926-1927."
- ⁷⁷Mahmud, "Gerakan Komunis di Tanah Melayu," h. 82.
- ⁷⁸*Basic Paper on the Malayan Communist Party*, h. 4.
- ⁷⁹C.O. 273/542, "Interim Report of the Activities of the Kwong man Tong in the FMS during 1927."
- ⁸⁰*Ibid.*
- ⁸¹*Ibid.*
- ⁸²*Basic paper on the Malayan Communist Party*, h. 4.
- ⁸³*Ibid.* Lihat juga, "The Malayan Communist Party's Own Vesion of its History Up to 1940, (Nan Tao-Chih Tung)".
- ⁸⁴*MRCA*, August 1934, No.48.
- ⁸⁵C.O. 273/542, "The Kuomintang and Other Societies in Malaya, January-March 1928."
- ⁸⁶*Ibid.*
- ⁸⁷*Police Intelligence Journal*, "the Communist Movement in Malayan and Neighbouring Countries, 31 December 1930."
- ⁸⁸C.O. 273/543, "The Kuomintang and Other Societies in Malaya, January-March 1928," dated 23 April 1928; lihat juga *Police Intelligence Journal*, 15 February, 1931.
- ⁸⁹C.O. 273/543, "Interim Report on the Activities of the Kwok Man Tang in the FMS during 1928," dated 8 July 1928.
- ⁹⁰*Ibid.*
- ⁹¹*Supplement to Police Journal*, "Communist Youth," 15 January 1931, No.1.

⁹⁷*Basic Paper on the Malayan Communist Party*, h. 4.

⁹⁸*Supplement to Police Journal*, "Communist Youth," 15 January, 1931, No. 1, h. 3.

⁹⁹*Ibid.*

¹⁰⁰C.O. 273/542, "Interim Report of the Activities of the Kwok Man Tang in the FMS During 1928 with Reference to Similar or Hostile Organisation." Butiran lanjut tentang badan komunis (Anti-Imperialist League) ini sila lihat *Police Intelligence Journal*, 1924.

¹⁰¹*Basic Paper on the Malayan Communist Party*, h. 4.

¹⁰²Mahmud, "Gerakan Komunis di Tanah Melayu," hh. 71-72.

¹⁰³*Ibid.*

¹⁰⁴Mengenai penglibatan orang-orang Melayu (termasuk Indonesia dalam gerakan komunis peringkat awal serta lihat Mahmud E. "Komunisme Dan Orang-orang Melayu, 1924-1949," (Persidangan Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Sempena 20 Tahun UKM, 27-30 Ogos, 1990).

¹⁰⁵G. Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1971, h. 32.

¹⁰⁶*Basic Paper on the Malayan Communist Party*, h. 4.

¹⁰⁷Lihat *Supplement to Police Intelligence Journal*, "The Communist Movement in Malaya and Neighbouring Countries, 31 December 1930," h. 3.

¹⁰⁸*Ibid.*

¹⁰⁹*Basic Paper on the Malayan Communist Party*, h. 5.

¹¹⁰*Ibid.*, lihat juga *Supplement to Police Journal*, "The Communist Movement in Malaya and Neighbouring Countries, 30 December 1930."

¹¹¹Lihat *Basic Paper on the Malayan Communist Party*, h. 6; juga *Supplement to Basic Paper on the Malayan Communist Party*.

¹¹²*Basic Paper on the Malayan Communist party*, h. 6.

¹¹³*Ibid.*

¹¹⁴*Supplement to Police Intelligence Journal*, "The Communist Youth," 15 January 1931, No. 1, h. 4.

¹¹⁵*Ibid.*